


RAMADAN 1447 HIJRAH DIHASI GERHANA BULAN

Gerhana bulan berlaku apabila bumi berada di antara matahari dan bulan. Cahaya terus dari matahari dilindungi oleh bumi dan menjadikan bulan hanya dilitupi oleh bayang bumi. Pada 3 Mac 2026, sebahagian negara termasuk Malaysia dapat merasai keadaan gerhana bulan penuh yang bermula pada jam 7.04 malam sehingga 8.02 malam.

Pada ketika jam 7.23 malam, bulan terbit dalam keadaan telah mengalami gerhana. Manakala jam 8.05 malam, bulan mula keluar dari bayang gelap bumi pada ketinggian $9^{\circ} 30'$. Pada ketinggian $17^{\circ} 42'$ iaitu 8.40 malam, 50% di tabir umbra dan 50% lagi penumbra.

Seterusnya jam 9.17 malam pada ketinggian $26^{\circ} 40'$, bulan telah berada di tabir penumbra semula. Fenomena ini merupakan suatu manifestasi alam yang merujuk kepada keagungan ciptaan Allah dalam mencipta dan mentadbir alam sebagai bukti tentang kehebatannya.



Kredit sumber : Jabatan Mufti Negeri Perak, Jabatan Mufti Negeri Johor